

Siri Bimbingan Remaja



Remaja Lintas Budaya

Merekalah yang Akan memimpin

Tajuk	: Remaja Lintas Budaya
Penulis	: Lee Bee Teik ©2004
Penterjemah	: Jouslly Buaya
Penyunting	: Randy Singkee
Reka Bentuk	: Chiang Juat Chin
Penerbit	: Wawasan Penabur Sdn Bhd

Dr. Lee Bee Teik ialah pengasas dan direktor untuk Pelayanan Reconre (www.reconre.org). Beliau adalah seorang doktor perubatan terlatih tetapi mengambil keputusan untuk meninggalkan kerjaya perubatan bagi mendampingi sepenuh masa anak-anaknya membesar. Pada tahun 1992, Tuhan memanggilnya ke dalam pelayanan penulisan dan melayani hamba-hamba penuh masa Tuhan melalui pelayanan kaunseling dan retreat. Dr. Lee juga giat dalam pelatihan kaunseling bimbingan dan nasihat, serta memfasilitasi seminar & retreat peribadi atau kelompok kecil. Beliau adalah isteri Bishop (Dr.) Hwa Yung dari Gereja Methodist di Malaysia dan mereka mempunyai 3 orang anak yang sudah dewasa.

Hakcipta © 2012 Wawasan Penabur Sdn Bhd


Tiada bahagian dalam buku kecil ini boleh digunakan atau dihasilkan dalam cara atau bentuk apa-apa sekali pun tanpa kebenaran bertulis daripada penulis/penerbit kecuali sebagai petikan ringkas dalam artikel/risalah dan ulasan.

Remaja Lintas Budaya

Merekalah Yang Akan Memimpin

Siapakah Remaja Lintas Budaya?

Jika anda adalah seorang remaja lintas budaya (remaja global), gelaran itu sahaja sudah cukup untuk mendekat hati anda. Anda sebenarnya mempunyai pengalaman yang tidak dialami oleh kebanyakan remaja di dunia. Namun begitu, walaupun kebanyakan perbincangan dalam buku ini adalah mengenai mereka yang melayari dunia secara geografi, kami juga ingin memasukkan kumpulan remaja global di Malaysia yang melayari dunia secara elektronik. Tidak kira anda berada di kategori mana, saya percaya bahawa Tuhan mempunyai rancangan yang istimewa untuk anda di dunia ini. Sebahagian besarnya akan memenuhi peranan anda sebagai pembawa damai di dunia dan gereja yang bercerai-berai. Yesus mengajar kita:




“Berbahagialah orang yang membuat kebaikan, kerana mereka akan dipanggil anak-anak Allah.”

Jika anda tidak mempunyai apa-apa idea tentang siapakah remaja lintas budaya atau remaja global ini, bersabarlah dengan kami kerana remaja lintas budaya

memerlukan bantuan anda untuk menolong mereka memahami budaya unik anda, dan pada masa yang sama mereka dapat membantu anda untuk memahami budaya mereka! Nescaya komuniti dunia dari pelbagai budaya akan menjadi lebih seperti satu komuniti bumi dan syurga yang baru apabila Yesus datang kedua kalinya.

Yesus berkata,



“Seumpama apakah hal Kerajaan Allah dan dengan apakah Aku akan mengumpamakannya? Ia seumpama biji sesawi, yang diambil dan ditaburkan orang di kebunnya; biji itu tumbuh dan menjadi pohon dan burung-burung di udara bersarang pada cabang-**cabangnya**.“

(Lukas 13:18-19)

Globalisasi Kependudukan di Abad ke-21

Globalisasi membuat orang dari seluruh pelusuk dunia dapat dikumpulkan di suatu tempat untuk menjalani hidup bersama-sama. Contoh yang terbaik adalah negara kita Malaysia.

Ada orang mengatakan bahwa kita tidak akan berhenti belajar sehingga kita mati. Selepas lebih 22 tahun saya meninggalkan Melbourne, Australia, saya melawat semula bekas “**rumah kedua**” saya itu pada tahun 2001. Dan saya

terserapkan dengan sebuah buku yang bertajuk ‘Strangers in My Homeland’. Buku itu menceritakan tentang kehidupan kanak-kanak yang telah mengikuti ibu bapa mereka untuk hidup di negara asing kerana kerjaya ataupun pekerjaan orang tua mereka. Apabila kanak-kanak ini membesar dan mengikut ibu bapa mereka untuk kembali ke negara asal, mereka tidak dapat merasa seperti di rumah sendiri di negara asal ibu bapa mereka. Ada pula yang dilahirkan di luar negara dan tidak pernah mengenali tanah air ibu bapa mereka. Bagi ibu bapa pula, mereka mungkin tidak dapat menerima masyarakat yang telah mereka tinggalkan kerana semuanya telah berubah. Ada yang rindu untuk kembali ke **‘negara angkat’** di mana mereka telah membesar dan cintai, tidak kira di Asia, Afrika atau Australia.

Walau bagaimanapun, jika mereka melawat kembali tempat-tempat **“asing” yang sangat** dekat di hati mereka itu, mereka mendapati bahawa keadaan dan masyarakat di sana juga telah berubah. Kehidupan telah terus berjalan tanpa menunggu mereka. Penemuan itu boleh membuat luka di hati mereka menjadi semakin mendalam. Ada di antara mereka yang akan pulih dan meneruskan kehidupan dengan lebih matang kerana pandangan dunia mereka menjadi lebih luas. Yang lain pula terpaksa akur dengan kesepian yang berlebihan untuk sepanjang kehidupan mereka.

Hati saya merasa lega kerana saya menemui bahagian diri saya dan anak lelaki saya di dalam buku tersebut. Ini telah menyebabkan saya benar-benar mahu menjangkau mereka yang telah melalui pengalaman yang sama di

pelbagai peringkat kehidupan mereka. Saya ingin memberitahu mereka bahawa tidak ada salahnya untuk kita merindui rakan-rakan, pandangan, bau dan bunyi yang biasa dilihat, dihidu dan didengari dahulu. Saya mahu memberitahu mereka bahawa kesakitan seperti itu boleh ditebus untuk Sang Pencipta, diri sendiri dan orang lain. Kalauolah ada seseorang yang dapat memahami dan sanggup berjalan bersama mereka, mereka pasti dapat melihat nilai tempat yang unik ini di dalam hati mereka. Saya syorkan anda untuk membaca buku ini sebagai seorang remaja atau orang dewasa lintas budaya, atau sebagai seorang yang mahu menerima dan menjadi kawan-kawan baru mereka. Bukanakah kita dipanggil untuk mengasihi antara satu sama lain sebagaimana Kristus mengasihi kita dan untuk mengasihi saudara-saudara kita seperti diri kita sendiri?

Definisi

Remaja global adalah para remaja yang telah melintasi beberapa budaya kerana mereka telah mengembara dan pernah menetap di beberapa buah negara semasa zaman kanak-kanak mereka. Kadang-kadang mereka dipanggil sebagai remaja lintas budaya atau remaja pelbagai budaya.

Remaja lintas budaya juga dikenali sebagai remaja budaya ketiga (*dalam Bahasa Inggeris: third culture kids*) sebagai asimilasi pelbagai budaya dalam kehidupan yang membuat mereka merasakan seolah-olah mereka adalah dari dunia yang lain, atau satu budaya yang lain¹.

Baru-baru ini saya bertemu dengan seorang remaja yang berusia 18 tahun, tetapi telah tinggal di Amerika Utara dan Selatan, Kanada dan beberapa negara Asia. Biasanya ini berlaku kerana perubahan pekerjaan ibu bapa mereka atau lokasi tempat belajar, atau disebabkan penghijrahan keluarga. Kanak-kanak ini akhirnya membesar menjadi dewasa. Tidak mudah untuk mengenali mereka melainkan mereka berkongsi dengan anda siapakah mereka, apakah perasaan mereka tentang kehidupan dan bagaimana mereka melihat dunia. Mereka seperti manusia sesumpah (*human chameleons*) kerana walaupun mereka kelihatan sama sahaja dengan orang di sekitar mereka, tetapi mereka merasa sepi dan diabaikan apabila mereka kembali ke tanah air mereka. Pendedahan kepada budaya lain yang lebih luas membuat mereka berbeza. Pada masa yang sama, kelainan mereka menjadi pusat perhatian apabila berada di luar negara! Ini sangat menyulitkan terutama sekali bagi kanak-kanak yang sedang membesar. Mereka terpaksa terus mahu menerima dan diterima oleh orang lain kerana mereka telah menjadi satu kumpulan minoriti di sesuatu tempat.

Walau bagaimanapun, kita mesti mengambil perhatian bahawa masa telah berubah dari segi pengalaman lintas-budaya. Sebelum era televisyen dan internet, seseorang perlu hadir secara fizikal di satu tempat geografi yang tertentu untuk menyeberangi sempadan budaya yang berbeza. Hari ini, ufuk budaya orang-orang di kawasan luar bandar juga mungkin dapat diperluaskan dengan adanya kemudahan elektronik. Jadi ada di antara mereka yang tidak pernah tinggal di luar negeri tetapi

mempunyai pengetahuan am yang luas tentang pandangan dan buni negara lain melalui media. Mereka juga boleh menganggap diri mereka sebagai seorang yang telah melintasi budaya, walaupun bukan secara fizikal.

Remaja lintas budaya diakui mempunyai pelbagai pengalaman budaya berbanding dengan kebanyakan orang di sekeliling mereka. Ini menyebabkan mereka memiliki suatu campuran budaya yang unik, yang dikenali sebagai budaya ketiga. Budaya mereka bukanlah budaya yang mereka telah tinggalkan, mahupun budaya yang akan mereka masuki.

Mengapa Berbicara Tentang Remaja Lintas Budaya?

1. Globalisasi

Globalisasi ekonomi menyebabkan globalisasi kependudukan yang tidak terelakkan. Kita harus mengikut perubahan diri, keluarga dan sosial yang mungkin berpotensi baik tanpa kehilangan identiti diri kita ATAU dihanyutkan oleh arus-arus perubahan yang sama yang mampu memusnahkan kehidupan kita jika ianya lebih kuat daripada kita. Namun apa yang kita lihat di sekeliling kita (terutamanya di negara kita) ialah perhubungan yang semakin berkurangan dan kurang bererti. Apakah kaitan globalisasi dengan orang-orang yang hanya memerlukan makanan harian, air, tempat tinggal dan pakaian? Jika anda membenarkan perdagangan globalisasi, adakah itu masih bermakna bagi rakyat biasa seperti mereka dan kita?

2. Era Teknologi Maklumat

Bagi mereka yang telah mencapai usia pertengahan umur, mereka adalah generasi yang telah menyaksikan kedua-dua era sebelum dan selepas zaman multimedia dan teknologi maklumat. Generasi yang lebih muda dilahirkan tepat ke dalam budaya Bangsa Malaysia. Tetapi mereka hanya mempunyai sedikit perasaan kestabilan yang berakar umbi dalam budaya ibu bapa mereka. Oleh sebab itu, sementara budaya Malaysia baru yang bersepadu berkembang, kanak-kanak global (terutama sekali mereka yang telah menjadi orang dewasa) inilah yang akan menerangkan norma-norma sosial dan perbezaan antara bangsa, budaya dan agama; supaya orang-orang muda tidak membentuk satu krisis identiti yang ekstrem dengan perubahan persekitaran yang sentiasa berubah.

Bangsa bukan sesuatu yang kita boleh pilih. Tuhanlah yang telah memberikan kita ibu bapa dan kita perlu menerima anugerah genetik kita dengan penuh kesyukuran.

Agama adalah manusia mencari Tuhan tidak kira bagaimana dia melakukannya. Setelah menjumpai-Nya, agama bertukar menjadi bagaimana seseorang beribadat, menyembah, mengasihi dan melayani Tuhan. Kita boleh menjadi sangat kreatif dalam penyembahan. Tetapi janganlah kita jatuh ke dalam perangkap kemasyrikan di mana kaedah beribadat dan topik teologi mengambil alih cinta pertama kita untuk Kristus.

Budaya adalah sebahagian daripada kehidupan

manusia. Jika mereka menyanyi, menari atau bercakap dalam satu pola yang sama, maka tingkahlaku tersebut akan menjadi sebahagian daripada budaya mereka. Jika mereka tergolong dalam satu keturunan keluarga yang sama, di mana mereka memasak, makan, membasuh dan meraikan dengan cara yang sama, maka itu adalah budaya kaum mereka. Sekiranya mereka sama-sama mencari Tuhan, dan membentuk satu rutin tingkahlaku keagamaan yang tertentu, maka rutin mereka menjadi budaya agama mereka.

Budaya adalah satu wacana untuk mengungkap cara hidup manusia. Untuk sesuatu masyarakat, ada tata cara hidup yang baik, dan ada juga yang tidak baik. Jika kita adalah pendatang baru kepada suatu budaya (contohnya, budaya-1) dan ingin memperkenalkan apa yang kita percaya tentang beberapa aspek yang lebih baik dari budaya kita (contohnya budaya-2), maka kita perlu mendekati budaya-1 yang merupakan budaya tempatan sebelum kedua-dua pihak boleh menilai antara satu sama lain. Kemudian mereka akan membuat pilihan sendiri bahagian mana daripada budaya-1 dan budaya-2 yang akan diterima atau ditolak untuk diri mereka sendiri (bukan untuk orang lain). Tiada paksaan harus digunakan oleh orang yang dari budaya-2 ke atas orang yang dari budaya-1 untuk mengikuti dan menerap budaya pendatang baru. Oleh sebab itu, kita akan melihat bahawa budaya itu adalah satu wacana neutral. Ia boleh digunakan untuk kebaikan atau keburukan, mengikut perwatakan orang yang mengamalkan budaya tersebut.

3. Allah berserta remaja lintas budaya

Ramai yang berasa takut apabila memikirkan dan memerhati tentang perubahan pesat dalam masyarakat dan dunia kita. Walau bagaimanapun, kita tidak perlu takut kerana:

- a. Allah yang mengizinkan bahkan menentukan perubahan tersebut akan selalu bersama kita.
- b. Kita yang telah dicipta mengikut imej-Nya dan dipilih keluar daripada dunia yang rosak untuk hidup sebagai anak-anak-Nya, tahu bahawa orang-orang yang mengenali Dia dapat bersama-sama untuk melakukan kehendak-Nya bagi memenuhi tujuan-Nya kepada umat manusia (Kisah Para Rasul 17:22-28).
- c. Jika kita tetap setia kepada-Nya, Dia akan membuka banyak pintu bagi kita untuk membantu ramai orang dalam masyarakat kita yang majmuk ini. Kita harus berusaha untuk membantu jiran-jiran kita supaya mereka dapat mengenal kasih dan belas kasihan Allah di tengah-tengah aliran ideologi yang mengelirukan, kesukaran ekonomi, bencana alam dan tragedi alam sekitar akibat perbuatan manusia yang tidak terkawal. Sungguh menarik untuk kita hidup di zaman ini di mana kita berpeluang menggunakan bakat dan kurniaan yang Tuhan telah berikan untuk kita memberkati orang-orang lain di dalam nama-Nya.

4. Mereka adalah duta Allah

Dari statistik kita mengetahui bahawa remaja lintas

budaya berpotensi menjadi duta Allah yang cemerlang. Mereka sudah biasa bergaul dengan orang ramai. Ini menjadikan mereka perunding yang baik dan matang. Remaja lintas budaya mampu menjadi rakan sebaya yang dapat membantu orang lain kerana mereka mempunyai pandangan dunia yang lebih luas tentang manusia dan budaya. Bersama-sama mereka akan menjadi lebih fleksibel, penuh belas kasihan dan lebih bertoleransi terhadap orang lain yang dari pelbagai latar belakang keturunan dan bangsa. Untuk remaja global Kristian yang percaya bahawa Tuhan mengasihi semua orang dan mahu semua orang diselamatkan melalui darah Anak Domba Allah, tugas mereka adalah lebih khusus lagi. Secara tidak sengaja mereka telah dilatih untuk memainkan peranan penting bagi kemuliaan Allah (Wahyu 5:9,7:9, 14:6-7 & 15:3-4).

Panggilan Untuk Berjalan Dengan Yesus Yang Global

Bayangkan Yesus sedang berjalan dengan seorang kanak-kanak. Dia mencapai tangan kanan kanak-kanak itu supaya dia merasa selamat untuk mengikuti-Nya, dan dia dapat berjalan sesuai dengan rentak kaki-Nya. Jika anda adalah kanak-kanak tersebut, adakah anda juga akan membiarkan Yesus melakukannya? Yesus mengasihi kanak-kanak kecil dan beberapa kali kita diingatkan supaya mempercayai Allah sama seperti seorang kanak-kanak. Adakah kita akan mencontohi Yesus dalam menjangkau kanak-kanak dan remaja lintas budaya?

Pandanglah dari sisi berikut – Injil Yesus tidak dimiliki oleh mana-mana budaya, tetapi menjadi milik semua bangsa. Dia ada di atas semua budaya. Ini adalah kerana Allah lah yang telah meletakkan semua manusia di pelbagai tempat di dunia ini untuk hidup mengikut ketetapan persekitaran di mana mereka tinggal. Sebagai contoh, di negeri beriklim sederhana, gaya hidup mereka ditentukan oleh perubahan cuaca melalui empat musim. Sedangkan kita yang hidup di kawasan tropika, gaya hidup kita hampir sama sepanjang tahun kerana tidak ada perubahan cuaca yang melampau. Ini menentukan cara kita berpakaian. Ia juga menentukan musim menanam dan menuai sesuai dengan musim hujan dan kemarau.

Jadi, bagaimanakah pula kita dapat mendekati dan menjangkau remaja lintas budaya yang global dalam era globalisasi manusia ini? Kita memerlukan beberapa garis panduan, tetapi prinsip utama kita ialah Allah menerima semua orang yang ikhlas datang kepada-Nya melalui iman, tanpa mengira mereka itu Yahudi atau bukan Yahudi²:

Lalu Petrus berkata, “sekarang barulah saya sedar bahawa Allah memperlakukan semua orang dengan sama rata. Sesiapa yang menghormati Allah dan berbuat apa yang benar, diterima oleh Allah, walau apa pun bangsanya.”

(Kisah Para Rasul 10:34-35)

“Allah yang mengenal hati manusia sudah menunjukkan bahawa Dia berkenan kepada orang bukan Yahudi dengan mengurniakan Roh Allah kepada mereka seperti yang sudah dikurniakan-Nya kepada kita. Allah tidak membeza-bezakan orang Yahudi dengan orang bukan Yahudi. Dia mengampunkan dosa mereka kerana mereka percaya.”

(Kisah Para Rasul 15:8-9)

Prinsip-Prinsip Mendampingi Remaja Lintas Budaya

1. Belajar sebanyak mungkin tentang budaya-budaya orang yang ada di sekeliling kita. Sama seperti Yusuf dan Daniel di dalam Perjanjian Lama, mereka belajar budaya orang lain tanpa terlibat dalam penyembahan berhala (iaitu apa-apa atau sesiapa sahaja yang mengambil kemuliaan dan keutamaan Tuhan di dalam hidup kita).
2. Layani orang-orang dari budaya yang berbeza daripada anda dengan lemah-lembut dan hormat. “Menghormati mengambil kira pandangan dunia orang lain yang berbeza budaya dengan kita. Menghormati bertindak dengan penuh kepekaan terhadap rasa bangga orang lain akan budayanya sendiri. Menghormati mengakui bahawa Allah mempunyai sejumlah kasih yang sama untuk setiap insan di bumi ini. Menghormati ialah menghargai orang lain lebih daripada diri sendiri.”³

3. Tunjukkan minat yang ikhlas terhadap orang lain walau apa pun latar belakang budayanya, kerana ini menunjukkan bahawa kita menghargai dia. **"Yesus telah menetapkan teladan kepada kita apabila Dia melayani setiap orang dengan saksama termasuklah pemungut cukai, kanak-kanak, perempuan, orang miskin dan kaya. Perkara-perkara kepentingan bersama yang sebenar sentiasa wujud tanpa mengira apa juga budaya tersebut."**⁴ Oleh itu, adalah lebih konstruktif untuk berbicara tentang kesamaan daripada perbezaan apabila kita bertemu dengan seseorang dari budaya lain, misalnya tentang perhatian kepada kanak-kanak atau ibu bapa.
4. Gaya hidup yang fleksibel terutama oleh pendatang baru kepada budaya lain akan membawa kelegaan kepada yang baru dan lama dalam satu komuniti. Kita juga tidak mempunyai hak untuk memaksa budaya asing kita kepada budaya tuan rumah kita. Kita mungkin dapat mempengaruhi mereka secara langsung hanya apabila kita dialu-alukan untuk berbuat demikian oleh tuan rumah kita. Itu pun kita lakukan untuk membantu dan bukannya untuk menguasai mereka.
5. Mengasihi dan bukan merendahkan. Itulah yang diperlukan untuk membentuk dan mengembangkan persahabatan di antara orang-orang yang berbeza budaya. Pada akhirnya, bukan budaya itu yang kita cintai tetapi orang-orang yang empunya budaya tersebut.

Ciri-Ciri Remaja Lintas Budaya⁵

1. Mereka belajar untuk menerima bahawa berbeza itu adalah identiti mereka.
2. Pandangan dunia ibu bapa dan orang lain memberi kesan kepada remaja lintas budaya (terutama sekali untuk mereka yang lahir di luar negara dan kemudian kembali ke negara asal ibu bapa mereka, yang mungkin bukan tempat asal mereka).
3. Orang dewasa yang dilahirkan di negara asal dan kemudian merentasi budaya, akan melihat dunia yang berbeza daripada anak-anak mereka yang lahir di luar negara dan kemudian pulang ke negara asal.
4. Ibu bapa yang pulang ke negara asal akan menemui asal usul mereka dalam kawan-kawan lama, dan bukannya dalam tempat-tempat yang mungkin telah berubah. Mereka juga cenderung untuk menjadi pemerhati di tanah air mereka kerana mereka kini berbeza daripada kawan-kawan lama yang tidak berkongsi pengalaman dengan mereka di negara asing. Jika mereka hanya membuat lawatan yang singkat di negara asal mereka, ia hanya seperti bercuti dan segala perbezaan masih dapat diterima. Tetapi jika mereka kembali untuk menetap di negara asal, mereka akan dapati sangat sukar untuk menyesuaikan diri dan perasaan mereka. Jika masalah ini tidak diatasi, mereka akan tinggal sebagai pemerhati dan mungkin tidak akan bersedia mengambil apa-apa tanggungjawab dalam komuniti mereka.

5. Sebagai seorang kanak-kanak, remaja lintas budaya akan cuba untuk menyesuaikan diri ke dalam persekitaran baru dan menjadi **satu** ‘budaya **sesumpah**’. **Bagi orang** dewasa pula, mereka cenderung mencabar pandangan dunia penduduk tempatan yang mungkin akan membuat mereka mendapat musuh.

Terapi dan Penyelesaian Konflik Dalamans untuk Remaja Lintas Budaya⁶

1. Remaja lintas budaya harus bertahan teguh dalam apa yang mereka percayai dan tidak bergantung kepada keadaan-keadaan luaran (perubahan budaya). Dia akan mencapai kematangan apabila dia mampu untuk mengatakan, “*Ini adalah apa yang saya percaya, tidak kira apa konteks budaya saya kini berada. Saya boleh mengubah tingkah laku saya mengikut keadaan yang berubah-ubah. Saya adalah siapa saya!*”
2. Kewarganegaraan seseorang individu dipelajari dari zaman kanak-kanaknya, yang kemudian menjadi sebahagian daripada personalitinya. Seorang remaja **lintas budaya harus membangun** ‘kewarganegaraan gelang getah’ kerana dia adalah begitu unik dan tidak dapat 100% menyesuaikan diri dalam mana-mana satu budaya. Sebab itulah orang yang tidak berkerakyatan (contohnya pelarian) akan mengalami beberapa jenis tekanan yang kita dapat memahami sepenuhnya.

3. Jika seorang remaja budaya ketiga memasuki kolej, mereka cenderung untuk berasa selesa dengan rakan-rakan dari pelbagai budaya di kampus kerana mereka merasakan bahawa mereka adalah dari acuan yang sama.
4. Pelajaran yang telah dipelajari oleh orang dewasa yang tinggal di negara asing cenderung akan mengubah gambaran luaran mereka sendiri apabila mereka pulang ke negara asal. Ini membolehkan mereka lebih bertolak-ansur dengan budaya, agama dan bangsa yang lain, dan menjadikan mereka lebih dapat menerima keharmonian antara kaum. Tetapi sangat menghairankan mereka cenderung memiliki toleransi yang rendah dari kalangan mereka sendiri, contohnya cara percakapan ibu atau adik beradik mereka. Proses '**kemasukan semula**' boleh menjadi jauh lebih sukar untuk orang dewasa kerana mereka sedar akan cara-cara khusus di mana mereka berbeza daripada orang-orang yang ada di sekeliling mereka.
5. Remaja lintas budaya harus menangani perasaan terasing atau berasa tidak memiliki asal-usul, terutamanya untuk **orang yang introvet**: "*Di mana saya harus bertapak?*" atau "*Adakah saya ini orang yang aneh?*"

Secara umumnya, remaja budaya ketiga memberi respon kepada perubahan yang sama dalam pelbagai cara, walaupun mereka berada dalam keluarga yang sama. Ini mungkin berkaitan dengan personaliti individu dan peringkat pertumbuhan apabila perubahan itu terjadi.

Contohnya seorang kanak-kanak pra-sekolah dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik selagi ahli-ahli keluarganya ada di sisi mereka; manakala seorang remaja pula berasa sangat terluka apabila mereka kehilangan rakan-rakan zaman kanak-kanak dan zaman remaja mereka.

Dilema Dan Pergelutan Kemasukan Semula

Di negara asing di mana dia membesar...

- Dia adalah seorang asing jika penampilan dan cara berfikir dia berbeza daripada orang-orang di sekitarnya.
- Dia seorang imigran jika penampilan dan cara berfikirnya sama dengan orang-orang di sekitarnya.

Apabila dia kembali ke negara asalnya...

- Dia seperti sebuah cermin atau sesumpah yang kehilangan integriti dalaman, identiti diri dan kedamaian dalam dirinya jika penampilan dan cara berfikirnya sama seperti orang-orang yang sebudaya dengannya.
- Dia menjadi seorang imigran di negaranya sendiri dan menjadi kesepian kerana tidak ada sesiapa pun yang menyedari pergelutannya jika penampilan dan cara berfikir dia berbeza daripada orang-orang yang sebudaya dengannya.

Yesus – Remaja Global Yang Menjadi Dewasa

Seperti yang dicatatkan dalam sejarah, Yesus dari Nazaret tidak pernah keluar dari wilayah Timur Tengah sepanjang hidup-Nya. Tetapi pandangan dunia Yesus adalah global. Contoh-contoh yang dicatat oleh Alkitab tentang Dia dengan jelas menunjukkan Dia merupakan seorang remaja lintas budaya⁷. Dia dilahirkan di Betlehem di tanah Yudea dan dibesarkan di Mesir sehingga berusia lebih dari dua tahun, sebelum keluarganya kembali ke Palestin. Di sana Dia membesar dari seorang kanak-kanak berumur pra-sekolah sehinggalah Dia menjadi dewasa di kota Nazaret. Dia telah terbiasa untuk bertemu dengan orang-orang dari pelbagai budaya. Dia mampu berhubung dengan orang ramai dengan baik sehingga mereka mula merasa mereka difahami dan membuka hati mereka kepada-Nya. Perempuan Samaria di telaga merupakan orang seperti itu (Yohanes 4:1-42); begitu juga dengan seorang komander pasukan tentera (Lukas 7: 1-10).

Baca Lukas 4:14-30 ...

Dalam semua aspek, Nazaret adalah kampung halaman Yesus kerana Dia membesar di situ selepas Yusuf dan Maria kembali ke Palestin bersama dengan Dia. Semua orang mengenali jiran-jiran mereka dengan baik jika membesar di pekan-pekan yang kecil. Ketaatan Yesus kepada ibu bapa-Nya, yang ditunjukkan oleh penjagaan-Nya terhadap Maria dan adik-beradik-Nya selepas Yusuf meninggal dunia, pasti telah menyentuh hati ramai orang. Walau bagaimanapun, masalah mula timbul apabila Dia pergi ke arah Selatan untuk memulaan pelayanan-Nya.

Dia kembali ke daerah asalnya di mana kawan-kawan lama-Nya menolak Dia. Bagi mereka, anak lelaki Yusuf yang bekerja sebagai tukang kayu itu telah berubah. Tetapi bagi Yesus, Dia hanyalah menurut perintah Allah yang mereka sembah, hormati dan patuhi (Yohanes 5:19). Bukan mudah untuk Yesus membuat penyesuaian tersebut di kampung halaman-Nya. Tetapi Dia mesti mencuba jika Dia mahu memenuhi rancangan dan tujuan Allah bagi-Nya di bumi.

Pelajaran yang diperoleh:

Allah mengetahui apa yang Dia lakukan apabila Dia membenarkan kita mengalami kesalahfahaman, kemarahan dan kebencian dari orang-orang yang kita fikir perlu menerima dan percaya kepada kita, tatkala kita sedang mengalami kejutan budaya (*culture shock*) dan kejutan budaya berbalik (*reverse culture shock*). Melainkan mereka juga sedang dan telah melalui penyesuaian seperti anda, jangan harapkan mereka akan melihat kehidupan ini sama dengan sudut pandang anda.

Baca Lukas 7:1-10

Komander pasukan tentera Romawi di dalam Lukas 7 ialah seorang warga asing yang tinggal di kalangan orang-orang Yahudi ketika zaman Yesus. Dia adalah pegawai Kerajaan Roma. Tetapi dia boleh mengecam seorang guru dan penyembuh yang baru dikenalinya bagi mendapatkan pertolongan. Dia pasti sudah pernah mendengar bagaimana kaum dan bangsa Yesus sendiri menolak-Nya. Oleh yang demikian, dia berhasrat untuk keluar dari kebiasaan untuk memberitahu Yesus bahawa dia menghormati dan menpercayai-Nya. Komander tersebut

sudah banyak memerhatikan Yesus dan dia sanggup merendahkan diri untuk mengakui bahawa tukang kayu dari Nazaret yang dikenali ramai itu mempunyai kuasa daripada Penguasa Maha Tinggi untuk menyembuhkan. Dia bersedia untuk mengenepikan semua halangan lintas budaya kerana orang baik yang kudus dan berkuasa itu telah terlebih dahulu melakukannya.

Pelajaran yang diperoleh:

Yesus mengalami kejutan budaya yang terbesar apabila Dia datang kepada kita sebagai seorang bayi manusia (Filipi 2:6-8). Merendahkan diri di hadapan Allah dan manusia serta iman yang teguh di dalam Bapa yang mempunyai rancangan untuk segala pengalaman-Nya, membawa Yesus melalui segala halangan yang sukar dan senang dalam melintasi pelbagai halangan budaya untuk menunjukkan kasih dan rahmat Allah kepada semua orang.

Allah membenarkan Yesus untuk belajar dengan cara yang sukar semasa Yesus memerhati dan memikirkan perbezaan budaya antara Kerajaan Roma dan orang-orang Yahudi tempatan, warga kota dan desa, kaya dan miskin, yang berkuasa dan yang ditindas. Akhirnya bila Dia berumur tiga puluh tahun dan telah tiba masa untuk memulakan pelayanan-Nya, Yesus sudah bersedia untuk mengasihi dan menerima semua yang datang kepada-Nya. Sanggupkah kita melakukan sesuatu daripada membiarkan diri kita tenggelam di dalam kemurungan dan rasa kasihan diri?



Cabaran Bagi Mereka Yang Mempunyai Pengalaman Pelbagai Budaya

1. Nikmati sahaja pengalaman tersebut! Kehidupan anda sedang dibentuk. Begitu banyak pengalaman anda yang boleh dikongsikan dengan orang lain. Ini membuat anda menjadi ciptaan Tuhan yang berkeupayaan untuk menerima orang (semua jenis orang!) terutama sekali mereka yang terlepas pandang atau yang biasanya tidak diterima. Jadi kongsikan pengalaman hidup anda dan orang lain akan belajar dari anda!
2. Hargai semua hasil positif dan pendedahan yang kaya daripada pengalaman anda. Baca Roma 8:28 jika anda merasa sangat terbeban.



3. Bekerjalah dengan Tuhan sebagai agen untuk globalisasi perhubungan manusia. Ingatlah bahawa kemuncak semua ini adalah apabila semua orang akan tahu bahawa Yesus adalah Tuhan!

Matlamat Misi Yang Diabaikan Di Kalangan Orang Kristian Asia

Globalisasi Perhubungan di Bumi

- Untuk mengenal pasti dan berkongsi harapan dengan kanak-kanak serta remaja yang multi budaya.
- Untuk lebih bersedia dan tidak ditenggelami oleh pandangan dunia yang cepat berubah melalui pertembungan pesat budaya manusia serta perhubungan peribadi dan tidak peribadi.
- Untuk meminta petunjuk dari Tuhan bagaimana untuk menjadi duta-Nya sebagai remaja lintas budaya-Nya (Jika kita benar-benar percaya tentang catatan Yohanes di Wahyu 5:9, 7:9, 14:6-7 & 15:3-4).

Nubuatan di atas bukan hanya untuk penginjilan sahaja. Ianya adalah untuk persiapan pengantin perempuan Kristus (iaitu Gereja) dari apa yang kita lihat daripada peristiwa-peristiwa dunia dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Kemungkinan besar Dia mahu kita membiasakan diri secara beransur-ansur untuk hidup dengan jiran-jiran dan saudara-mara kita dari pelbagai budaya di bumi ini supaya kita tidak mengalami kejutan budaya di syurga nanti! Cuba renungkan perkara ini.

Tindakan-tindakan Umum

1. Libatkan remaja lintas budaya dalam Misi Persiapan Pengantin Kristus (mempersiapkan gereja untuk menerima kedatangan Tuhan Yesus yang kedua kali).
2. Secara sedar memupuk perhubungan globalisasi bermula dengan komuniti gereja di Malaysia.

Tindakan-tindakan Khusus

1. Baca Alkitab untuk memilih dan belajar tentang orang dan peristiwa lintas budaya.
2. Berdoa syafaat untuk suku-suku bangsa di seluruh dunia.
3. Merenung kembali sejarah anda, bermula dari:

“Pada mulanya Allah menciptakan langit dan bumi.”
(Kejadian 1:1)

4. Kita juga perlu mengkaji sejarah orang lain. Ada pepatah Cina yang mengatakan:

“Untuk memahami sesuatu bangsa, seseorang itu perlu memahami memori-memorinya.”

5. Walaupun anda mungkin tidak mampu untuk mengembara atau melancong ke luar negeri/negara, anda tetap mempunyai beberapa cara untuk mengetahui bangsa-bangsa lain:

- a. Nikmati pertemuan bersemuka dengan peristiwa dan orang dari pelbagai budaya/bangsa: contohnya melalui buku-buku, radio, TV, internet, VCD, DVD, dll.
- b. Tonton filem-filem lintas budaya seperti:
 - *Kandahar*, arahan Mohsen Makhmalbaf (Bahasa Parsi dengan sarakata Bahasa Inggeris)

- *Empire of the Sun*, arahan Steven Spielberg
 - *Three Seasons*, yang memenangi Hadiah Grand Juri, Anugerah Penonton, Anugerah Sinematografi dalam Festival Filem Sundance 1999
 - *Music of the Heart*, dicalonkan untuk 2 Anugerah Oscar
 - *Quo Vadis*
 - *Gandhi*, pemenang 8 Anugerah Oscar termasuk Filem Terbaik yang difilemkan di India. Filem Gandhi ini mempunyai visual sinematografik yang indah, lakonan yang hebat dan drama manusia yang cemerlang
 - *The Gods Must Be Crazy I*, epik komedi epik dengan cerita-cerita yang tidak masuk akal
 - *The Gods Must Be Crazy II*, kali ini, semua orang akan menjadi lebih gila!
 - *Chariots of Fire*, pemenang 4 Anugerah Oscar 1981, termasuk anugerah Filem Terbaik
 - *Children of Heaven*, pemenang Filem Terbaik di Festival Filem Montreal 1988. Juga dicalonkan untuk Hadiah Grand Juri dan Filem Bahasa Asing Terbaik di Festival Filem Antarabangsa Los Angeles
- c. Baca buku-buku bertemakan lintas budaya seperti:
- *Do They Hear You When You Cry*, oleh Fauziya Kassindja (Bantam Books 1998)
 - *Life and Death in Shanghai*, oleh Nien Cheng (Grafton 1986)
 - *Siberian Dream*, oleh Irina Pantaeva (Bantam 1998)

- *Falling Leaves*, oleh Adeline Yen Mah (Penguin Books 1997)
- *Daughters of Arabia*, oleh Jean Sasson (Bantam Books 1994)
- *Daughters of China*, oleh Meihong Xu dan Larry Engelmann (Headline Book Publishing 1999)
- *The Girl in the Picture*, oleh Denise Chong (Simon dan Schuster UK Ltd. 2000)
- *Daughter of Persia*, oleh Sattareh Farman Farmaian dan Dona Munker (Bantam Press 1992, Corgi Books 1993)
- *The Pianist*, oleh Wladyslaw Szpilman (Victor Gollancz 1999, Phoenix Paperback 2002)
- *Heaven Can Wait*, oleh Tal Ben-Shahar (Times Books International 1998)
- *Ceritalah – Malaysia in Transition* oleh Karim Raslan (Times Books International 1996)
- *Deepening Joy*, oleh Lee Bee Teik (SUFES 1993)
- *Heart Cries*, Lee Bee Teik (Reconre Publication 1996)
- *Strangers at Home*, disunting oleh Carolyn D. Smith (Aletheia Publications 1996)
- *Building a Love House is Hard Work*, oleh Lee Bee Teik (MCARE 1996)
- *Globalisation and Its Impact on Asia*, disunting oleh Micheal Yeoh, Ching Kuan Yin, Lim Chai Mee dan David Wong (Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. 2003)
- *Jesus in Egypt*, oleh Paul Perry (The Random House Publishing Group 2003)

- *The Best of Grid-Leadership Ministry and Mission in a Changing World*, disunting oleh Rowland Croucher dan Grace Thomlinson (World Vision Australia 1993)
- *Asia: A Christian Perspective*, oleh Mary Ann Lind (Frontline Communications, Youth With A Mission)
- **How To Handle Stress...When You Cross Cultures**, oleh Jim Chew (The Navigators, Singapore 1992)
- *How To Really Communicate When You Cross Cultures*, oleh Jim Chew (The Navigators, Singapore 1992)

Renungan untuk Remaja Multi Budaya

1. Di manakah anda kini berada di dalam proses menghadapi perubahan ini?
2. Berdiamlah dalam hadirat Tuhan. Mazmur 19: 1-4 memberitahu kita bahawa Tuhan berbicara kepada semua orang. Biarkan kehangatan pelukan-Nya memberi kedamaian kepada anda. Dan biarkan kasih-Nya yang tidak berubah memegang anda dalam jagaan-Nya.

Kesimpulan

Yang terbaik belum lagi tiba. Ini adalah satu kepastian tentang harapan. Penulis kitab Ibrani menggesa pembacanya:

“Oleh kerana itu, saudara-saudaraku, dengan kematian Yesus kita mempunyai kebebasan penuh untuk masuk ke Ruang Maha Suci. Yesus sudah membuka satu jalan baru bagi kita, jalan yang memberi kehidupan. Jalan itu melalui tirai, iaitu tubuh Yesus sendiri. Sekarang kita mempunyai imam agung, yang bertanggungjawab terhadap rumah Allah. Oleh itu, marilah kita hampiri Allah dengan hati yang tulus dan iman yang teguh, dengan hati yang sudah disucikan daripada perasaan bersalah, dan dengan tubuh yang sudah dibersihkan oleh air bersih. Hendaklah kita berpegang teguh kepada harapan yang kita akui, kerana Allah dapat dipercayai dan Dia akan menepati janji-Nya. Hendaklah kita perhatikan satu sama lain, supaya kita dapat saling memberi dorongan untuk mengasihi satu sama lain dan untuk melakukan hal yang baik. Janganlah kita hentikan kebiasaan berkumpul bersama-sama, seperti yang dilakukan oleh beberapa orang saudara. Sebaliknya lebih-lebih lagi kita harus menggalakkan satu sama lain, kerana kita tahu bahawa tidak lama lagi Tuhan akan datang.”

(Ibrani 10:19-25)

Dan sekali lagi dia mengingatkan kita:

"Beriman bererti yakin sungguh-sungguh akan perkara-perkara yang diharapkan, dan mempunyai kepastian akan perkara-perkara yang tidak dapat kita lihat. Kerana iman, nenek moyang kita diperkenankan oleh Allah. Kerana beriman, kita mengerti bahawa alam ini diciptakan oleh firman Allah, maka apa yang dapat dilihat dijadikan daripada apa yang tidak dapat dilihat."

(Ibrani 11:1-3)

Terima kasih Bapa, untuk iman dan keselamatan di dalam Allah yang tidak pernah berubah untuk manusia dan dunia yang sentiasa berubah!



Rujukan

- ¹ Carolyn D. Smith, *Stranger At Home* (Aletheia Publications, 1996)
- ² *Ibid*, mukasurat 166, 170-172
- ³ Mary Ann Lind, ASIA-A *Christian Perspective* (Frontline Communications, YWAM) mukasurat 122
- ⁴ *Ibid*, mukasurat 122-124
- ⁵ Carolyn D. Smith, *Strangers At Home* (Aletheia Publications, 1996), mukasurat 166, 17-172
- ⁶ *Ibid*, mukasurat 188, 190-191, 199,206
- ⁷ Paul Perry, *Jesus in Egypt - Discovering the Secrets of Christ's Childhood Years* (A Ballantine book, The Random House Publishing Group, 2004)

“Didiklah orang muda
menurut jalan yang patut baginya,
maka pada masa tuanya pun
dia tidak akan menyimpang
daripada jalan itu”.
(Amsal 22:6)

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan.

Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.